

06/08/2002

PM diharap rapatkan hubungan OIC, Eropah

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengambil alih jawatan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tahun depan, diharap dapat merapatkan kerjasama di antara pertubuhan itu dan masyarakat Eropah.

Harapan itu disampaikan Presiden republik Kyrgyz, Askar Akayev yang meminta bantuan dan sokongan Perdana Menteri bagi mengadakan satu dialog antara Negara-negara Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) dan OIC tahun depan.

Ini bertujuan menjalinkan kesefahaman mengenai Islam yang sering dikaitkan dengan keganasan berikutan peristiwa 11 September lalu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata permintaan Kyrgyz itu dikemukakan ketika mesyuarat dua hala antara delegasi republik terbabit yang diketuai Akayev dan delegasi Malaysia diketuai Dr Mahathir di sini, hari ini.

"Ini untuk menjalin persefahaman di antara negara Islam dan negara di Eropah. Kadang-kala banyak perkara yang menyebabkan salah faham terhadap Islam ialah kurangnya dialog dan kefahaman oleh orang Barat atau Eropah.

"Oleh itu, mereka bersetuju bahawa keganasan ini tidak mempunyai sempadan dan tidak seharusnya dikaitkan dengan agama atau mana-mana kaum.

"OIC sudah mengadakan dialog pada tahun ini iaitu dengan Pertubuhan Eropah (EU). Jadi semua ini adalah sebahagian usaha kita untuk mencapai persefahaman yang mendalam dan melahirkan keselamatan dan kemakmuran serantau serta dunia," katanya pada sidang akhbar selepas pertemuan itu.

Akayev adalah dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini. Sebelum ini, beliau menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diadakan pada 1 hingga 4 Ogos lalu.

Dr Mahathir akan mengambil alih jawatan Pengerusi OIC berikutan sidang kemuncaknya di Kuala Lumpur pada Oktober tahun depan. Perdana Menteri kini juga sudah mengambil alih jawatan Pengerusi Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 117 negara.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir dan Akayev bertukar pandangan mengenai isu keganasan dan bagaimana untuk mengatasinya selain menyentuh masalah di Palestin.

"Kedua-duanya mempunyai persetujuan bahawa untuk menangani keganasan ini, ia memerlukan kepada usaha mengenal pasti sebab-sebab ia berlaku dan mengambil langkah yang tepat bagi tujuan itu.

"Ini kerana selagi ada ketidakadilan dan penindasan, maka ia akan melahirkan tidak puas hati dan boleh menyebabkan orang untuk melakukan keganasan.

"Presiden Kyrgyz juga menyuarakan pendapatnya kepada Dr Mahathir berkenaan ketidakadilan dan penaklukan serta keganasan berterusan dilakukan oleh Israel yang menjadi satu-satunya punca keganasan berterusan di sana.

"Oleh itu, Akayev berharap bahawa satu penyelesaian akan dapat dicapai di sana untuk membolehkan rakyat Palestin menubuhkan sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka," katanya.

Kyrgyz mempunyai lima juta penduduk dan 80 peratus daripadanya beragama Islam. Mereka banyak bergantung kepada sektor pertanian, diikuti pelancongan, kewangan dan industri kecil dan sederhana (IKS) untuk pertumbuhannya.